

## Kerjasama UniSZA, 22 universiti Indonesia

**Putrajaya:** Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memetri Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 22 universiti dari Indonesia dalam bidang berkaitan akademik terutama membabitkan pengajian peringkat pascasiswazah.

Naib Canselornya Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim berkata, kerjasama itu membabitkan program penghantaran pelajar bagi mengikuti pengajian peringkat pascasiswazah iaitu bagi sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Beliau berkata, kerjasama itu juga bukan hanya memperkenalkan UniSZA kepada penuntut negara luar sebaliknya memperkenalkan sistem pendidikan Malaysia kepada negara lain.

"Setakat ini, kira-kira 1,000 pelajar dari pelbagai negara mengikuti pengajian peringkat pascasiswazah membabitkan 10 fakulti di UniSZA. Kami menjangkakan lebih ramai pelajar akan memilih untuk belajar di UniSZA menerusi kerjasama yang dijalinkan itu," katanya pada sidang media sempena Majlis Perasmian Kongres Sains Sosial Islam Sedunia (WISCC) di Pusat



DR Yahaya

Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Kongres dua hari berakhir hari ini dirasmikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Asyraf Wajdi Dasuki dan disertai kira-kira 400 peserta dari pelbagai negara termasuk Indonesia, Brunei, Nigeria, Pakistan dan Iran.

Kira-kira 320 kertas kerja yang banyak memfokuskan kepada isu berkaitan kemanusiaan, sosial dan kemiskinan dalam masyarakat Islam sedunia akan dibentangkan dalam kongres berkenaan.